

Dr M terima jam Kutub Utara

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad akan menerima jam edisi Kutub Utara pada satu majlis di Putrajaya hari ini, yang dijangka disampaikan oleh Jorgen Amundsen, cicit mendiang Roald Engebret Gravning Amundsen, lelaki pertama menak-

Luki Antartika pada 14 Disember 1911.

Jam bernombor siri 110 daripada 250 edisi terhad itu, diberi kepada bekas Perdana Menteri sebagai penghargaan di atas cetusan idea dan tanda sokongan serta pembakar se-

mangat yang beliau laungkan kepada rakyat Malaysia dan Asia.

Dalam satu kenyataan di sini semalam, penganjur majlis itu berkata, Dr Mahathir akan menjadi orang pertama di Asia yang menerima jam itu.

Ia juga sebagai satu penghargaan kepada Dr Mahathir selaku pengerusi dan juga penasihat ekspedisi solo jelajah Antartika.

Cabaran itu disahut Datin Paduka Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir yang akan melakukan ekspedisi solo

jelajah Antartika dan mencipta rekod dunia sebagai wanita Asia pertama merentasi Antartika Disember ini.

Sharifah Mazlina akan menerima jam edisi Kutub Selatan bernombor siri 001 yang baru.